

Abdullah tulis mesej ucapan Tunku

Sediakan persiapan sambut merdeka antara kenangan tidak dapat dilupakan

BH- 4/8/2007



Oleh Jami'ah Shukri

TAN Sri Abdullah Ayub, 81, bekas Setiausaha Sulit kepada Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pernah beberapa kali berhadapan peristiwa lucu dan sememangnya bapa kemerdekaan itu bersikap bersahaja dalam banyak perkara.

Antara peristiwa yang masih kekal dalam ingatan bekas Ketua Setiausaha Negara itu ialah kejadian Tunku pergi ke Melaka menaiki kereta sedangkan mengikut jadual asal menggunakan pesawat tentera.

"Dalam kejadian itu, Tunku pergi ke Melaka atas urusan mesyuarat berkaitan kemerdekaan negara dengan menaiki kereta sedangkan pada awalnya beliau meminta saya supaya menguruskan perjalanannya ke sana dengan menaiki pesawat tentera.

"Selepas diarahkan, saya segera uruskan dengan pihak tentera. Mereka pun sediakan pesawat dan menunggu kedatangan Tunku. Lama kami menunggu Tunku... tetapi tidak juga datang. Rupa-rupanya Tunku sudah pergi ke Melaka menaiki kereta," katanya.

Dalam kejadian lain, Tunku, ketika menjadi Ketua Menteri Tanah Melayu, tergesa-gesa mencari kertas mesyuarat yang baru saja dibacanya.

"Tunku menelefon saya bertanyakan di mana kertas mesyuarat itu kerana katanya dah bagi kepada saya sehari sebelum itu. Saya menjawab tidak ada pada saya. Tetapi 10 minit kemudian seorang pegawai memaklumkan, sebenarnya kertas mesyuarat itu ada di dalam tandas, Tunku terlupa selepas meletakkannya di satu sudut selepas membacanya dalam tandas.

Namun, bagi Abdullah, Almarhum adalah seorang pemimpin yang baik, lucu, sentiasa ceria dan 'gentleman'. Tunku juga suka menghiburkan hati orang lain tetapi kadangkala suka menguji seseorang.

"Ada kalanya Tunku suka menduga menteri Kabinet dan pegawai kerajaan dengan caranya tersendiri. Tunku suka bertanya sesuatu perkara dengan lebih terperinci seperti projek pembangunan yang sedang dirancang, seolah-olah dia tidak tahu apa-apa. Tapi sebenarnya sengaja ingin melihat sejauh mana kredibiliti pegawainya," katanya.

Tugas Abdullah sebagai setiausaha sulit adalah membantu serta mengatur urusan peribadi Tunku yang ada hubungan dengan hal ehwal kerajaan. Ketika itu ada tiga lagi kerani turut membantu bagi memudahkan pentadbiran Tunku Abdul Rahman. Pada ketika itu pejabat hanya di Rumah Residency, di Jalan Datuk Onn (kini Yayasan Tunku Abdul Rahman).

Malah, pengalamannya bekerja dengan Tunku adalah pembuka jalan serta menjadi

platform kepada Abdullah untuk terus menapak berkhidmat di jabatan kerajaan dengan menjawat pelbagai jawatan penting, antaranya sebagai Ketua Setiausaha Negara.

Antara nostalgia manis yang terus menjadi kenangan Abdullah ialah bertanggungjawab menulis mesej ucapan Tunku Abdul Rahman sempena hari kemerdekaan untuk disiarkan di dalam akhbar, majalah termasuk majalah sekolah dan jabatan lain.

"Saya sibuk ketika itu untuk menyiapkan mesej itu bagi memenuhi permintaan pihak akhbar, majalah dan pelbagai syarikat lain. Seingat saya, saya menulis antara 30 hingga 40 mesej ucapan di dalam bahasa Melayu dan Inggeris sehingga larut malam.

"Semua kerja itu mengambil masa hampir sebulan di samping tugas lain yang diperlukan untuk majlis sambutan kemerdekaan," katanya sambil ketawa apabila mengingati semula kisah silam sepanjang setahun bekerja dengan Tunku Abdul Rahman.

Abdullah yang turut dilantik sebagai seorang ahli Jawatankuasa Sambutan Hari Kemerdekaan yang pertama itu berkata, tugas seterusnya yang dilakukan beliau ialah menyediakan persiapan meraikan sambutan ambang kemerdekaan.

Justeru, jawatankuasa itu perlu menyediakan senarai nama tetamu luar negara terutama dari England, wakil pemimpin dari Thailand, Indonesia, Jerman, Jepun, Perancis, Belanda dan lain-lain. Pada masa sama, beliau perlu memikirkan pula di manakah akan ditempatkan mereka.

"Kemudian kita menempatkan mereka di Hotel Federal dan beberapa bangunan kerajaan.

"Suatu perkara yang kita fikirkan ialah dari segi kenderaan yang digunakan oleh wakil tetamu dari luar negara. Kereta yang ada di negara kita sudah tentu tidak sesuai dengan mereka yang biasa menggunakan kereta besar.

"Berikutan itu, kita meminta kerajaan benarkan mengimport kereta dari Amerika Syarikat dan dikecualikan cukai. Akhirnya kita membawa 40 kereta Ford untuk kegunaan wakil berkenaan," katanya.

Tugas yang tidak kurang pentingnya ialah mengenai makanan yang dihidangkan untuk tetamu. Jawatankuasa itu mengambil keputusan menyediakan makanan mengikut selera tempatan dan Barat bagi memenuhi keseimbangan selera pelbagai tetamu yang hadir.

Saat paling manis ialah Abdullah turut bersama-sama menyumbang idea dan masa bagi persediaan menyambut kemerdekaan negara, pada 31 Ogos 1957.

Malah, beberapa tahun sebelum tarikh keramat itu, Tunku sudah dilihat semakin sibuk sejak 1955 lagi dengan tugasnya sebagai Ketua Menteri, selain berurusan dengan kerajaan British, di London untuk menuntut kemerdekaan.

"Tunku begitu seronok dan teruja menunggu saat untuk meraikan sambutan kemerdekaan yang diadakan di Stadium Merdeka menandakan negara bebas belunggu penjajah. Kegembiraan dan keseronokan itu dapat dirasakan juga oleh rakyat dari seluruh pelosok negara dan masing-masing mahu menyaksikan sendiri sambutan itu diadakan," kata Abdullah.

PROFIL



- Nama: Abdullah Ayub
- Tarikh lahir: 3 Januari 1926
- Asal: Sitiawan, Perak
- Pendidikan: Sekolah Melayu Pasir Panjang Laut; ACS Sitiawan, Sekolah King Edward V11 Taiping; Raffles Collages; Universiti Cambridge.
- Jawatan: Setiausaha Sulit Tunku Abdul Rahman; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (1972); Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan (1974-1978); Ketua Setiausaha Negara (1979-1981); Pengerusi Tribunal Perkhidmatan Awam; Pro Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Skudai (1998); Senator Dewan Negara (2001).



TUGAS RASMI: Abdullah ketika mengiringi Tun Abdul Razak Hussein menghadiri satu majlis.